

Hala tuju selepas SPM, jurusan dipilih penting

Pelajar sering tertanya-tanya, apakah yang akan dilakukan selepas selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kerja atau sambung belajar? Nak sambung di universiti mana? Aliran apa yang menarik? Adakah ibu bapa dan guru setuju dengan aliran yang bakal diambil? Kalau kerja selepas SPM, nanti apa orang kata?

Biar apa orang kata, teruskan minat kita. Kata-kata negatif sesetengah pihak akan menjadikan viral kepada pemikiran kita dan seterusnya melumpuhkan semangat kita dengan apa yang kita usahakan. Jadi, pilihlah hala tuju berdasarkan minat dan kecenderungan kita.

Bagaimana pula kalau ibu bapa atau guru yang menentukan bidang atau aliran kita selepas SPM? Kita dilahirkan dengan bakat dan kecenderungan tersendiri. Sebagai contoh, Imam Sibawaih. Beliau adalah tokoh dalam ilmu Nahu iaitu salah satu cabang besar daripada ilmu Bahasa Arab. Sebelum memilih ilmu Nahu, beliau pernah cuba mendalami ilmu hadis. Beliau menukar bidang apabila mendapati sukar menghafal. Akhirnya, beliau jadi tokoh dan ulama yang hebat dalam ilmu Bahasa Arab khususnya ilmu Nahu.

Wujudnya perbezaan dengan orang lain bukan penghalang untuk kita berjaya. Kita perlu sedar, dunia ini bukan hanya ada doktor, penguam, saintis, arkitek dan jurutera. Perkataan itu sudah jadi klise ketika ini. Sebaliknya banyak lagi peluang pekerjaan di luar sana. Apa yang penting, minat dan kecenderungan kita bolehmenjana pendapatan dan boleh menampung kos sara hidup kita pada masa akan datang.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**

Sedikit kata-kata daripada Steve Jobs *"The only way to do great work is to love what you do. If you have not found it yet, keep looking. Do not settle. As with all matters of the heart, you will know when you find it."*

Pilih bidang ikut minat

Kalau kita minat dalam bidang sastera dan penulisan, kita boleh jadikan JK Rowling sebagai idola. Bidang sukan dan permainan, ambillah teladan daripada anak-anak Sidek, Nicol N David, Lee Chong Wei dan ramai lagi. Minat bidang fesyen, belajarlah daripada pemilik butik Najjah yang dimiliki oleh Farrah Adeeba, pengacara TV *Al-Hijrah*. Menggemari dunia kulineri dan masakan, ikutlah semangat Chef Wan. Kesemua bidang ini halal dan bermanfaat kepada masyarakat di sekeliling juga.

Menuntut ilmu bukan untuk mengejar jawatan dan status, kejayaan dan kekayaan. Bahkan jauh lebih mulia daripada itu. Seperti hadis Rasulullah SAW, "Sesiapa yang menempuh satu jalan kerana mencari ilmu, maka



Lepasan sekolah wajar pilih jurusan ikut minat masing-masing.

[GAMBAR HIASAN]

Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga". (Hadis Riwayat Muslim)

Dalam kita menuntut ilmu, banyak onak dan duri harus ditempuhi. Kita berusaha untuk pergi ke kuliah dan kelas sedari awal pagi hingga lewat petang baru pulang ke kolej kediaman. Kadang-kadang hingga lewat malam. Pengorbanan kewangan juga sangat diperlukan dalam menuntut ilmu, membelanjakan wang ringgit untuk yuran pembelajaran dan membeli buku-buku yang diminta oleh pensyarah. Janganlah kita merungut disebabkan keletihan, tapi ingatlah ilmu adalah bekal kita di masa hadapan dan hari akhirat kelak.

Kerja jamin masa depan

Jadilah orang yang cemerlang walaupun pemilihan jurusan selepas SPM adalah peluang pekerjaan. Pilihlah pekerjaan yang memberi jaminan baik pada masa hadapan. Kemahuan dan rasa tanggungjawab yang tinggi akan membuahkan sebuah kejayaan di akhirnya.

Thomas Alva Edison, misalnya, adalah seorang tokoh yang hebat dan dikenali di seluruh dunia. Tahukah anda beliau hanya bersekolah selama tiga

bulan saja. Bagaimana beliau memperoleh kejayaan tersebut? Dengan adanya kemahuan tinggi, namanya kini menjadi sebutan di seluruh dunia. Beliau menyumbangkan sesuatu yang amat berharga kepada peradaban masyarakat dunia sebagai orang pertama menemukan konsep pencahayaan lampu. Hasil usahanya dapat kita rasai sehingga hari ini.

Sebagai kesimpulan, SPM hanyalah satu titian ujian dalam hidup. Hala tuju yang akan kita bawa selepas itu pula menjadi landasan untuk kita mendapat kejayaan di akhirnya.

"Barang siapa yang menjadikan akhirat sebagai tujuannya, maka Allah akan memberikan kekayaan kepada hatinya, memudahkan urusannya dan dunia akan datang kepadanya, dan barang siapa yang menjadikan dunia sebagai tujuannya, maka Allah akan memberikan (rasa) fakir kepadanya, mempersulitkannya urusannya dan dunia tidak akan mendatangnya kecuali apa yang sudah ditetapkan baginya". (Hadith Riwayat At-Tirmidzi)

Khairunnajah Binti Basir,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia